

SULIT

1103/1

1103/1

Bahasa

Melayu

Kertas 1

Ogos

2 ¼ jam



TASK FORCE
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH BELAGA

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2015

1103/1

BAHASA MELAYU

Kertas 1

September

2¼ jam

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

[Lihat sebelah

PANDUAN PEMARKAHAN

KERTAS BAHASA MELAYU (1103/1)

Bahagian A : Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan

[30 markah]

KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	26 – 30 [28 – 30] [26 – 27]	<ul style="list-style-type: none">• Karangan menepati tema bahan rangsangan.• Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. Penggunaan kosa kata luas dan tepat.• Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi dan menggunakan ungkapan yang menarik.• Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan dihuraikan dengan jelas dan matang.• Pengolahan menarik, berkesan dan matang.
Kepujian	20 – 25 [23 – 25] [20 – 22]	<ul style="list-style-type: none">• Karangan menepati tema bahan rangsangan.• Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. Penggunaan kosa kata luas.• Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi.• Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan dihuraikan dengan jelas.• Pengolahan menarik dan berkesan.
Memuaskan	15 – 19 [17 – 19] [15 – 16]	<ul style="list-style-type: none">• Karangan masih menepati tema bahan rangsangan.• Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca masih betul dan tepat. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. Penggunaan kosa kata umum.• Wacananya masih lengkap. Unsur bahasa masih bervariasi.• Idea masih relevan dengan tema bahan rangsangan. Huraian idea masih jelas.• Pengolahan masih menarik dan berkesan.
Kurang memuaskan	10 – 14 [12 – 14]	<ul style="list-style-type: none">• Karangan kurang menepati tema bahan rangsangan.• Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat. Kesalahan-kesalahan tatabahasa ketara. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat

	[10 – 11]	<p>kesalahan ejaan yang ketara. Penggunaan kosa kata terhad.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Wacana kurang lengkap. Unsur bahasa kurang bervariasi. • Idea kurang relevan dengan tema bahan rangsangan dan huraianya kurang jelas. • Pengolahannya kurang menarik dan kurang berkesan.
Pencapaian minimum	<p>01 – 09</p> <p>[06 – 09]</p> <p>[01 – 05]</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis. • Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat. • Idea tidak menepati tema bahan rangsangan. • Pengolahan tidak menarik dan tidak berkesan.

- Ungkapan menarik : *peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat Al-Quran dan lain-lain.*
- Jumlah perkataan kurang daripada 200, **tidak layak cemerlang.**
- Jumlah perkataan lebih daripada 250, semak seperti biasa.
- Tiada penolakan markah untuk format dan ejaan.

Bahagian B : Karangan Respons Terbuka
[100 markah]

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	80 – 100 [90 – 100] [80 – 89]	<ul style="list-style-type: none"> • Idea yang relevan mengikut tugas, dihuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai. • Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat. • Penggunaan kosa kata luas dan tepat. • Ejaan dan tanda baca yang betul. • Penggunaan pelbagai ayat yang gramatis. • Laras bahasa sesuai dengan tugas. • Penggunaan unsur bahasa bervariasi. • Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. • Pengolahan menarik dan berkesan serta pemerenggan sesuai. • Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.
Kepujian	66 – 79 [73 – 79] [66 – 72]	<ul style="list-style-type: none"> • Idea yang relevan mengikut tugas, dihuraikan dengan jelas, disertakan dengan contoh yang sesuai. • Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat. • Penggunaan kosa kata luas dan tepat. • Ejaan dan tanda baca yang betul. • Penggunaan pelbagai ayat yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • Laras bahasa sesuai dengan tugas. • Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. • Gaya bahasa masih menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. • Pengolahan menarik dan berkesan serta pemerenggan sesuai. • Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.

<p>Baik</p>	<p>51 – 65 [58 – 65] [51 – 57]</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Idea masih relevan mengikut tugas, huraian isi masih jelas dan contoh masih sesuai. • Penggunaan pelbagai jenis kata sesuai. • Penggunaan kosa kata umum. • Ejaan dan tanda baca masih betul. • Penggunaan pelbagai ayat gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • Laras bahasa sesuai mengikut tugas. • Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. • Gaya bahasa yang kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan. • Pengolahan masih menarik dan pemerenggan masih sesuai. • Wacana masih lengkap.
<p>Memuaskan</p>	<p>36 – 50 [43 – 50] [36 – 42]</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Idea masih relevan mengikut tugas, huraian isi kurang jelas dan contoh kurang sesuai. • Penggunaan pelbagai jenis kata terhad. • Penggunaan kosa kata umum dan terhad. • Ejaan dan tanda baca betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • Ayat kurang gramatis. • Laras bahasa kurang sesuai. • Penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi. • Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan. • Pengolahan kurang menarik. • Wacana masih / kurang lengkap.

Kurang memuaskan	<p>21 – 35</p> <p>[28 – 35]</p> <p>[21 – 27]</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Idea masih relevan / idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas / tidak berkembang dan contoh tidak sesuai. • Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara. • Ayat tidak gramatis tetapi masih difahami. • Unsur bahasa tidak bervariasi. • Gaya bahasa kurang dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah. • Pengolahan tidak menarik. • Wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang.
Pencapaian minimum	<p>01 – 20</p> <p>[11 – 20]</p> <p>[01 – 10]</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas / tidak berkembang dan contoh tidak sesuai. • Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara. • Keseluruhannya menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis. • Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah dan tidak menarik. • Pengolahan tidak menarik. • Wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai. • Keseluruhan karangan sukar / tidak difahami.

- Calon yang menulis kurang daripada 350 patah kata, **tidak layak cemerlang**.
- Calon yang menulis 350 dan ke atas, semak seperti biasa.
- Penolakan kesalahan ejaan (maksimum : 3 markah)
- Penolakan kesalahan format (maksimum : 2 markah)

SKEMA JAWAPAN
KERTAS BAHASA MELAYU (1103/1)

Bahagian A

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Lihat jadual di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang kebaikan-kebaikan aktiviti gotong royong. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

Pendahuluan.

- Semakin kurang diamalkan oleh generasi muda
- lebih suka bersendirian di rumah
- tidak hiraukan jiran-jiran

Isi-Isi Jawapan:

1. Memupuk semangat perpaduan dan kerjasama
2. Memudahkan kerja
3. Menjimatkan masa

Penutup:

- Semua pihak bekerjasama
- Sebelum terlambat
- Hidup lebih bersatu-padu dan sejahtera

Bahagian B

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **lebih daripada 350 patah perkataan**.

1. *Remaja perlu melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran untuk mendepani pelbagai cabaran pada masa depan.
Huraikan kemahiran-kemahiran yang perlu dikuasai oleh remaja sebagai persediaan untuk menghadapi cabaran era globalisasi.*

Format : Tiada

Cadangan idea:

- Diharapkan calon dapat menghuraikan kemahiran-kemahiran yang perlu dikuasai oleh remaja sebagai persediaan untuk menghadapi cabaran era globalisasi.
 - Antara kemahiran yang perlu dikuasai:
 - a) Kemahiran Komunikasi
 - b) Kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi
 - c) Kemahiran Berbahasa
 - d) Kemahiran Insaniah
 - e) Kemahiran Berfikir dan Menyelesaikan Masalah
 - f) Kemahiran Interpersonal dan Arah Kendiri
2. *Bersukan dengan cara yang betul akan mendatangkan kesan positif kepada pelakunya.
Beri pendapat anda tentang peranan ibu bapa untuk menggalakkan anak-anak terlibat dalam aktiviti sukan.*

Format : Tiada

Cadangan idea:

- Calon diharapkan dapat menulis peranan ibu bapa sahaja untuk menggalakkan anak-anak terlibat dalam aktiviti sukan
 - Antara peranan yang boleh dilakukan:
 - a) memberikan galakan dengan cara membeli peralatan sukan anak-anak mereka
 - b) menasihati anak-anak supaya memperuntukkan masa mereka dalam aktiviti kokurikulum seperti sukan dan permainan
 - c) menghantar anak-anak mereka ke tempat latihan atau permainan tersebut dijalankan
 - d) membelikan anak-anak mereka majalah sukan yang diminati oleh mereka
3. *Pusat Transformasi Bandar (UTC) telah dilaksanakan oleh kerajaan demi kepentingan rakyat.*

Tulis sebuah rencana tentang kebaikan Pusat Transformasi Bandar (UTC).

Format : Rencana

Cadangan idea:

- Calon diharapkan dapat menulis kebaikan Pusat Transformasi Bandar (UTC).
- Antara kebaikan:
 - a) Memudahkan orang ramai berurusan untuk membuat urusan dengan pelbagai sektor perkhidmatan
 - b) Mendapatkan perkhidmatan kerajaan dan swasta di dalam satu bangunan
 - c) Menjimatkan masa orang ramai
 - d) Memberi peluang kepada peniaga bagi perusahaan kecil dan sederhana

4. *Bencana alam seperti gempa bumi, banjir lumpur dan tanah runtuh kerap kali berlaku di beberapa buah negara sejak akhir-akhir ini sehingga mengorbankan banyak nyawa. Huraikan langkah-langkah yang dapat dilakukan oleh negara-negara di dunia untuk membantu mangsa-mangsa yang terlibat dengan bencana alam tersebut.*

Format : tiada

Cadangan idea:

- Calon diharapkan dapat menulis kebaikan langkah-langkah yang dapat dilakukan oleh negara-negara di dunia untuk membantu mangsa-mangsa yang terlibat dengan bencana alam tersebut
- Antara langkah:
 - a) menyalurkan bantuan dengan kutipan derma
 - b) Menganggotai pasukan penyelamat dan pencari
 - c) menjadi sukarelawan
 - d) mendoakan mangsa-mangsa kejadian bencana alam ini
 - e) kerajaan - sumbangan modal dan kepakaran untuk membangunkan kawasan yang telah tejejas teruk

5. *Tuliskan sebuah karangan berdasarkan peribahasa kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya.*

Format : cerita

Cadangan idea:

- Calon diharapkan dapat menulis cerita berdasarkan maksud peribahasa *kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya*
- *Maksud peribahasa:* Cita-cita tanpa usaha tidak akan tercapai

KERTAS TAMAT